

1 Januari 2009 (Khamis)

Perak ingkar arahan Majlis Tanah Negara

Oleh Nurhayati Abllah

IPOH: Kerajaan Perak mengingkari keputusan Majlis Tanah Negara (MTN) dengan meneruskan pemberian hak milik tanah pegangan kekal kepada 11 penduduk Kampung Baru Kuala Sungai Rui di Gerik, kelmarin. Pemberian geran itu adalah permohonan awal yang diluluskan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) membabitkan keluasan setiap lot tanah kira-kira 90 meter persegi.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, berkata pemberian hak milik kekal bagi permohonan selebihnya pula akan dibuat secara berperingkat selepas mendapat kelulusan PTG di daerah masing-masing. Pada sidang media selepas menyerahkan bantuan persekolahan kepada murid miskin dalam kawasan Majlis Bandaraya Ipoh, semalam, beliau berkata, kerajaan negeri menerima lebih 120 permohonan bagi mendapatkan hak milik tanah pegangan kekal yang masih dalam proses dan menunggu kelulusan PTG daerah.

Minggu lalu, MTN membuat keputusan akan mengadakan mesyuarat khas tidak lama lagi bagi membincangkan kertas kerja cadangan kerajaan Perak itu kerana Dasar Tanah Negara menetapkan pegangan tanah secara kekal hanya boleh diberi bagi maksud kegunaan Kerajaan Persekutuan, awam dan keadaan istimewa yang terhad.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menegaskan cadangan kerajaan Perak itu tidak boleh dilaksanakan sehingga MTN membuat keputusan. Muhammad Nizar bagaimanapun berkata, pemberian itu akan diberi secara berterusan kerana mendakwa ia tidak bercanggah dengan undang-undang serta mengikut prosedur yang ditetapkan. Ditanya berhubung penghantaran laporan penuh berhubung perkara itu kepada MTN, Mohammad Nizar berkata, kerajaan negeri belum melaksanakan arahan itu.

1 Januari 2009 (Khamis)

Timur: Empat bot RM5.4j tingkat hasil nelayan

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani bhnews@bharian.com.my

Geran pembasmian kemiskinan bantu koperasi

KUANTAN: Koperasi Pembangunan Rakyat Pahang Berhad (KPRPB) kini boleh berbangga dengan pemilikan empat buah bot nelayan bernilai RM5.4 juta menerusi geran pembasmian kemiskinan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) Malaysia. Bot berkenaan, iaitu dua pukot tunda bernilai RM2.6 dan dua pukot jerut, RM2.8 juta boleh membawa pulang kira-kira 80,000 kilogram ikan bagi setiap bot.

Pengerusinya, Mohamed Suffian Awang, berkata bot berkenaan dilengkapi pelbagai kemudahan elektronik terbaru seperti 'fish finder', 'echo sounder' dan sistem navigasi yang mampu mencari dan mengenal pasti habitat ikan walau di mana sahaja. Selain itu, tempat penyimpanan ikan juga dilengkapi dengan alat penghawa dingin (Refrigerator Sea Water System) bagi menjamin kesegaran ikan.

Menurutnya, bot berkenaan dilengkapi alat penghawa dingin, dapur memasak, bilik tidur, ruang rehat, televisyen, bilik mandi dan tandas berasingan bagi keselesaan nelayan. Beliau berkata, kemudahan yang disediakan mampu memberi ruang kepada nelayan menghilangkan kebosanan dalam memenuhi tempoh operasi selain merasakan seperti berada di rumah.

"Kita juga menyediakan dua bot keselamatan 'life draft' yang boleh menampung 15 orang setiap satu bot dalam bot pukot jerut manakala sebuah bot untuk pukot tunda yang dilengkapi dengan bekalan makanan untuk tempoh tujuh hari sebagai persediaan menghadapi sebarang kecemasan," katanya di sini semalam.

Katanya, reka bentuk yang istimewa membolehkan bot besi itu bergerak dengan kelajuan maksimum 12 knot berbanding bot kayu dengan kelajuan sembilan knot, selain menjimatkan minyak dan masa.

Beliau berkata, bot pukot tunda beroperasi dalam tempoh 12 hari dengan seorang kapten, pembantu dan lima awak-awak manakala pukot jerut mengambil masa tiga hari dengan 25 awak-awak dan seorang kapten bersama seorang pembantu.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif, WMA Resources Sdn Bhd, Wan Nor Azhar Wan Mustapha, berkata pembinaan bot nelayan berkenaan adalah berdasarkan tiga elemen penting iaitu ketahanan melawan ancaman ombak besar, keselesaan sewaktu beroperasi dan boleh memasuki muara sungai yang cetek. Beliau berkata, pembinaan bot dengan ciri berkenaan mampu meningkatkan hasil tangkapan ikan kerana bot berkenaan boleh beroperasi lebih daripada 300 hari dalam tempoh setahun berbanding bot kayu.

1 Januari 2009 (Khamis)

Kejuruteraan geoteknikal cegah tragedi tanah runtuh

Oleh Shahrizan Salian shahrizan@bharian.com.my

Pelbagai kajian dilaksanakan di dalam negara hanya menanti penguatkuasaan secara tegas

TARIKH 6 Disember 2008 pasti menjadi ingatan bagi penduduk kawasan perumahan Bukit Antarabangsa yang diberikan jolokan 'Beverly Hills Malaysia'.

Tragedi tanah runtuh tanah pada awal pagi itu bukan saja memusnahkan 14 banglo di Taman Bukit Mewah, malah mengorbankan lima mangsa menyebabkan penduduk di kawasan berhampiran tidak lena tidur selepas kejadian itu, tidak kurang juga ramai yang berkira-kira untuk berpindah. Walaupun tragedi seumpama itu pernah berlaku sebelum ini, tetapi banyak pihak hanya memandang sebelah mata tahap keselamatan projek pembangunan tanah tinggi sehingga mengabaikan keselamatan pemilik kediaman.

Presiden Persatuan Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (mSET), Datuk Ir Abang Abdullah Abang Ali, berkata perkara itu boleh dielakkan kerana amalan kejuruteraan geoteknikal, antara cabang kejuruteraan penting di negara ini sudah menunjukkan peningkatan ketara sejak beberapa tahun ini. "Kami percaya tragedi sedemikian boleh dielakkan kerana negara memiliki pengetahuan dan kepakaran mencukupi dalam kejuruteraan geoteknikal untuk merancang, mereka bentuk, membina dan mengekalkan pembangunan di lereng bukit," katanya.

Kejuruteraan geoteknikal adalah cabang kejuruteraan awam yang merangkumi kajian bahan bumi termasuk mengkaji material serta keadaan permukaan bumi, menentukan tahap fizikal dan mekanikal bahan yang digunakan untuk projek, mereka bentuk asas struktur serta memantau keadaan tapak projek.

Abang Abdullah menjelaskan, amalan kejuruteraan geoteknikal yang membabitkan pengetahuan terhadap keadaan tanah, struktur geoteknikal dan teknik rawatan telah dibangunkan secara berterusan oleh profesional yang berkecuali dalam industri kejuruteraan serta institusi pengajian. Menurutnya, pakar geoteknikal tempatan lebih maklum dengan keadaan iklim dan tanah bagi membolehkan kerja-kerja geoteknikal serta reka bentuk yang ekonomik bagi pembangunan perumahan, bangunan serta lebuh raya di lereng bukit dan menghalang bencana tanah runtuh.

"Mereka lebih maklum dengan pelbagai tahap risiko yang terbabit dalam setiap penyelesaian reka bentuk, malah mampu memberi khidmat nasihat yang bersesuaian kepada pelanggan supaya tidak memilih penyelesaian lebih murah dan membahayakan," katanya.

Selain itu, Abang Abdullah berkata, pakar geoteknikal mempunyai kemahiran merancang penyelenggaraan lereng bukit dan menyediakan khidmat nasihat profesional bagi situasi risiko tanah runtuh. "Malangnya, selama ini jurutera bukan saja perlu menuruti undang-undang

tempatan, amalan kelulusan perancangan tetapi keutamaan pelanggan untuk penyelesaian lebih murah mengakibatkan profesionalisme serta keupayaan mereka untuk membuat yang terbaik dihalang,” katanya.

Beliau memberi contoh, standard kejuruteraan mereka mungkin jelas, tetapi perlu ada dasar kebangsaan yang lebih jelas serta garis panduan untuk pembangunan lereng bukit di negara ini. “Bagi melaksanakan tanggungjawab mereka, pihak berkuasa tempatan yang terbabit dalam meluluskan pelan pembangunan perlu memiliki kepakaran diperlukan untuk menilai semua pelan pembangunan yang dihantar,” katanya.

Bagi memastikan koordinasi antara pelbagai agensi berkaitan pembangunan projek dengan pakar teknikal, Abang Abdullah berkata, mSET mencadangkan Standard Malaysia melaksanakan penyertaan secara aktif dalam inisiatif ISO untuk Keselamatan Masyarakat di bawah ISO/TC 223. Katanya, Malaysia yang ketika ini salah satu daripada negara pemerhati dalam ISO/TC223 perlu menyertai kira-kira 30 negara lain sebagai negara peserta.

Selain itu, katanya, perlu ada satu agensi yang mampu menangani sesuatu tragedi seperti ini dan mereka perlu diberikan kuasa yang mencukupi untuk menguatkuasakan pemantauan serta penyelenggaraan cerun berisiko tinggi. “Agensi itu perlu melaksanakan penyelenggaraan atau pembaikan segera cerun dengan projek terbengkalai dan diberikan kuasa untuk membolehkan kosnya ditanggung pemaju yang lalai,” katanya.

INFO: Kejuruteraan Geoteknikal

- Dimulakan dengan kajian keperluan projek
- Menentukan material yang diperlukan
- Pemeriksaan tapak untuk menentukan jenis tanah dan batu dengan cadangan pembinaan
- Pemeriksaan termasuk penilaian ke atas risiko kepada manusia, bangunan dan alam sekitar
- Jurutera geoteknikal menentu dan mereka bentuk jenis tapak dan subgred diperlukan untuk struktur yang akan dibina

2 Januari 2009 (Jumaat)

Imigresen kaji ciri keselamatan pasport

KUALA LUMPUR: Jabatan Imigresen sedang mengkaji semula 35 ciri keselamatan yang ada pada pasport antarabangsa Malaysia kerana sebahagian tanda keselamatannya bertindih dan sudah ada yang ketinggalan zaman.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mahmood Adam, berkata pihaknya mencari ciri keselamatan terkini merangkumi semua aspek bagi menjamin pasport antarabangsa itu tidak mudah dipalsu sindiket antarabangsa.

"Kita dalam proses kaji semula kerana pasport kita sudah lama dan ada setengah tanda keselamatan yang sudah ketinggalan zaman dan perlu dipertingkatkan. "Kita ada 35 ciri keselamatan dan ia terlalu 'berat', kerana tidak semestinya tanda keselamatan yang banyak bermakna ia bagus," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan pasport Malaysia mudah terdedah kepada kegiatan pemalsuan sindiket antarabangsa berikutan proses mendapatkannya yang mudah, iaitu tidak sampai dua jam. Kelmarin, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Rais Yatim, dilaporkan berkata, kegiatan pemalsuan pasport Malaysia didalangi sindiket antarabangsa semakin serius berikutan permintaan tinggi oleh rakyat asing terhadapnya.

Mengulas lanjut, Mahmood berkata kajian itu tidak bermakna pasport sedia ada mempunyai kelemahan dan terdedah kepada risiko keselamatan. Beliau berkata pihaknya tidak pernah berkompromi terhadap soal keselamatan dan proses permohonan pasport dibuat dengan teliti membabitkan semakan dengan pihak tertentu. "Soal keselamatan kita tidak kompromi, kita tapis permohonan termasuk menerusi senarai syak, rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan jenayah. "Tetapi bila pasport kita disalah guna pihak tidak bertanggungjawab, bagi saya ia bukan disebabkan ciri keselamatan pasport yang longgar, tetapi kerana pasport kita memang popular," katanya.

Beliau berkata populariti pasport negara ini meningkat berbanding pasport antarabangsa lain kerana dimiliki rakyat pelbagai kaum. "Malaysia negara pelbagai kaum, kalau orang India, China atau negara lain menggunakan pasport kita pun, ia tidak begitu ketara. Tetapi mereka yang menggunakan pasport ini mudah dikesan, sebab cipnya boleh dibaca termasuk mempunyai gambar," katanya.

Mahmood bagaimanapun tidak bercadang untuk memanjangkan proses permohonan mendapatkan pasport sedia ada dari dua jam kepada lebih seminggu seperti di negara maju bagi membuat penelitian mendalam terhadap pemohon yang layak.

2 Januari 2009 (Jumaat)

Kerajaan bantu selesai isu kedai di Kompleks Paya Bunga

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Terengganu bersetuju menyelesaikan kemelut yang dihadapi pemilik lot kedai di Kompleks Paya Bunga di sini, jika pemaju gagal memastikan kompleks itu dapat beroperasi dalam tempoh terdekat.


Bercakap selepas merasmikan Seminar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) sempena ulang tahun pertamanya di sini, semalam, Menteri Besar, Datuk Ahmad Said, berkata sebelum ini, kerajaan banyak memberi insentif dan bantuan kepada pemaju kompleks itu seperti mendapatkan bekalan elektrik dan berbincang dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi mengurangkan kos yang perlu dibayar.

“Kita sudah memanggil pemaju terbabit beberapa kali untuk berbincang, tetapi mereka tidak pernah hadir bagi menyelesaikan masalah yang berlarutan sejak sekian lama. “Sekarang kita bagi kata dua kepada pemaju berkenaan, jika mereka tidak mampu mengatasi masalah dihadapi pembeli, kerajaan akan tampil menyelesaikannya,” katanya.

2 Januari 2009 (Jumaat)

Rencana - Arkited landskap

Oleh Azrul Affandi Sobry azr@bharian.com.my



Bidang baru makin berkembang, tarik minat anak tempatan

JIKA berkunjung ke mana-mana destinasi sama ada bangunan pencakar langit mahupun kawasan yang pesat membangun seperti Putrajaya, pastinya mata selalunya terpaku pada rekaan landskapnya yang menggambarkan konsep serta aspirasi pencetus kewujudannya dengan seboleh mungkin cuba menterjemahkan ciri-ciri yang mahu diserlahkan.

Contohnya, jika rekaan atau idea konsep sesebuah bangunan adalah untuk menggambarkan ciri-ciri Islam, pasti landskapnya juga akan seboleh mungkin menggunakan corak atau konsep keislaman seperti penggunaan pokok yang seakan pohon kurma atau apa saja yang boleh mendekatkan hiasan landskap itu dengan idea asal pemiliknya.

Malah, landskap bukan saja terhad kepada bangunan mewah pencakar langit semata-mata kerana dewasa ini ramai pemilik kediaman persendirian juga sudah mula mengambil berat kepentingan memiliki ruang luar rumah yang menarik untuk menimbulkan rasa pesona pada pandangan pertama sesiapa saja yang berkunjung ke rumah mereka.

Tidak cukup dengan itu, rekaan landskap kini semakin diperluaskan kepentingannya dengan hampir semua kawasan baru sama ada perumahan, taman permainan atau jalan masuk ke sesuatu destinasi wajib dihiasi dengan landskap menarik. Justeru, tidak keterlaluan sekiranya dikatakan pada ketika ini, di mana saja mesti ada landskap sekali gus menjadikan kerjaya arkitek landskap sebagai satu cabang kerja yang semakin popular dan menyediakan peluang yang cukup luas.



FAUZI menjelaskan mengenai syarikatnya kepada pelawat di pameran Matrade.

Berbeza dengan satu ketika dulu iaitu sebelum 1995 di mana kerjaya itu tidak dipandang langsung di negara ini, malah tidak ada sebarang universiti yang menyediakan kursus profesional untuk kemahiran itu selain Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang sekadar menyediakan kursus peringkat diploma. Ia sekali gus menyebabkan kebanyakan pemilik sesebuah syarikat yang mahu membangunkan bangunan baru terpaksa mengimport kemahiran dari luar negara yang kebanyakannya sudah beratus tahun memberi tumpuan terhadap kerjaya ini.

Jika adapun rakyat Malaysia yang mahir ialah mereka yang mengambil inisiatif sendiri belajar di luar negara semata-mata untuk menjadi seorang arkitek landskap profesional, namun peluang kerja pada ketika itu masih amat terhad selain wujudnya persaingan sengit dengan arkitek luar negara. Namun, segala-galanya berubah apabila pada 1995, Jabatan Landskap Negara ditubuhkan bagi memberi penumpuan terhadap mewujudkan lebih ramai profesional dalam bidang itu selain mengetengahkan kepentingan landskap dalam sesebuah projek pembangunan.

Bekas Presiden kedua Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Fauzi Abu Bakar, yang menjadi antara orang penting dalam melonjakkan industri itu di negara ini, berkata kewujudan Jabatan Landskap Negara membolehkan kerjaya sebagai arkitek landskap menjadi satu bidang yang mendapat perhatian di negara ini, setaraf bidang kejuruteraan lain.

“Dengan kewujudan jabatan itu, beberapa universiti mula serius menubuhkan Fakulti Alam Bina dengan menyediakan peluang melanjutkan pengajian dalam bidang arkitek landskap, bukan setakat pada peringkat diploma tetapi kini sudah diperluaskan ke peringkat ijazah kedoktoran seperti yang ada di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). “Malah, selepas 2000, beberapa universiti lain seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) turut mengambil langkah utama mewujudkan fakulti itu.

“Ia sekali gus mewujudkan ramai arkitek tempatan dan membuka peluang kepada agensi kerajaan atau swasta menggunakan tenaga tempatan berbanding sebelum ini di mana arkitek dari Jepun dan Amerika Syarikat lebih popular sebagai pilihan mereka,” katanya.

Katanya, dulu, banyak syarikat atau pemilik rumah persendirian melepaskan tanggungjawab mereka bentuk kawasan taman atau luar bangunan kepada tukang kebun yang pastinya tidak mampu memberikan impak hasil yang profesional.

Mungkin ramai yang tidak sedar atau tak tahu bahawa peluang kerjaya selepas menamatkan pengajian dalam bidang rekaan landskap lebih terbuka luas, malah mungkin ramai juga yang memandang rendah bidang itu kerana kefahaman mereka terhadap kepada aktiviti menghias taman.

Tanyalah kepada sesiapa saja sama ada ketika di peringkat sekolah rendah atau menengah, berapa ramai yang mahu bekerja sebagai arkitek landskap ketika dewasa kelak, malah perkataan itu sendiri mungkin asing bagi mereka. Namun, realitinya, bidang arkitek landskap sangat luas kerana sebenarnya mereka perlu menguasai pelbagai bidang lain sama ada kejuruteraan awam atau rekaan dalaman.

Proses kerja memerlukan mereka mengambil tahu, malah lebih lagi sehingga mahir dalam bidang lain kerana untuk mewujudkan sebuah rekaan landskap yang tepat serta menarik, perlu ada kesinambungan dengan semua aspek kejuruteraan yang lain.

Fauzi berkata, jika pelanggan mahukan sesuatu konsep khusus dalam pembinaan bangunan mereka, arkitek landskap perlu memastikan ia ada kaitan dan menepati apa yang dirancang oleh arkitek bangunan supaya semua idea, rekaan dan sistem bangunan itu tepat dan tidak bersifat ‘rojak’ serta mempunyai hubung kait antara satu sama lain. “Malah, apabila arkitek landskap perlu tahu semua itu menyebabkan ramai di kalangan graduan jurusan itu akhirnya tidak bekerja sebagai arkitek landskap dan memilih untuk menjadi perancang bandar, arkitek, pelukis pelan dan banyak lagi,” katanya.

Mengenai bayaran yang mereka terima, Fauzi berkata, jika dikira secara logik, kerjaya itu mampu memberi pulangan yang sangat lumayan kerana sesebuah projek biasanya memperuntukkan antara lapan hingga 10 peratus daripada kos pembinaan landskap kepada arkiteknya. “Bayangkan, jika ada satu projek besar yang bernilai RM100 juta, arkiteknya mampu memperoleh bayaran sehingga RM10 juta. Paling sikit pun dia akan dapat dua peratus, RM2 juta. Namun, beberapa kelemahan dalam sistem projek pembinaan di negara ini menyebabkan tak ramai arkitek landskap yang boleh bertahan.



“Kaedah pembayaran untuk projek landskap dikira secara fasa. Ada sehingga lebih lima fasa dan selalunya, banyak projek yang pembayarannya tertangguh sehingga lebih 10 tahun. Itu yang membebankan”

Fauzi Abu Bakar
Bekas Presiden kedua Institut
Arkitek Landskap Malaysia

“Kaedah pembayaran untuk projek landskap dikira secara fasa. Ada sehingga lebih lima fasa dan selalunya, banyak projek yang pembayarannya tertangguh sehingga lebih 10 tahun. Itu yang membebankan.

“Syarikat saya sendiri pernah berdepan masalah kerana terpaksa menunggu sehingga 12 tahun untuk mendapatkan bayaran akhir atas projek landskap di salah sebuah pusat beli-belah terkenal di Bangsar. Ia merumitkan,” katanya yang memiliki dua syarikat arkitek landskap iaitu In-Site Design Sdn Bhd dan Arkilandskap Sdn Bhd. Katanya, kebiasaannya, arkitek landskap akan mengemukakan lakaran konsep dan pada peringkat itu, syarikat atau arkitek itu layak menerima bayaran sebanyak 10 peratus tetapi ada juga projek yang hanya memulakan bayaran selepas melepasi fasa kedua iaitu lakaran konsep rajah.

Namun, selalunya pada peringkat lakaran konsep rajah, berlaku banyak perubahan dan pelanggan mahukan ia dibuat semula sehingga kadangkala memakan masa bertahun-tahun untuk masuk ke peringkat ketiga.

Menambahkan masalah ialah apabila kebanyakan agensi atau syarikat swasta di negara ini tidak mempunyai idea mereka sendiri dan menyerahkan kepada arkitek sepenuhnya untuk mencipta rekaan mengikut idea arkitek itu sendiri. Namun, jika tidak berpuas hati, rekaan itu perlu ditukar semula.

“Berbeza dengan kebanyakan negara di barat, mereka biasanya sudah mempunyai idea mereka sendiri dan menjelaskan kepada arkitek mengenai apa yang mereka mahukan. Ia lebih mudah dan lebih elok lagi ialah mereka tak pernah lewat dalam membuat bayaran,” katanya.

Beliau berkata, kerjaya sebagai arkitek landskap kadangkala memberi tekanan kerana mereka adalah antara unit terawal yang perlu mengemukakan lakaran tetapi menjadi pasukan terakhir memulakan pembinaan, iaitu dalam tempoh empat hingga enam bulan sebelum bangunan siap dibina.

Namun, beliau yakin dengan permintaan yang semakin meningkat dalam mewujudkan landskap terbaik membuka lebih banyak peluang untuk arkitek landskap kekal bersaing dalam industri kejuruteraan awam di negara ini

2 Januari 2009 (Jumaat)

In-site Design bukti kemampuan bina projek mega




FAUZI memberi penerangan mengenai lakaran projek kepada arkiteknya.

IN-SITE Design adalah salah satu contoh syarikat arkitek landskap milik Bumiputera sepenuhnya yang berjaya dalam industri rekaan landskap serta sudah banyak menerima kepercayaan pelbagai agensi sama ada dari dalam negara atau luar negara untuk pelbagai projek berstatus mega. Antara projek besar dalam negara yang berjaya dibida dan disiapkan dengan jayanya oleh arkitek dari syarikat itu ialah landskap di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang membabitkan 32 arkitek landskap termasuk dari luar negara.

Selain KLIA, lakaran dan pelan landskap di salah satu pasar raya terbesar di Bangsar, Mid Valley, turut menerima sentuhan arkitek dari syarikat itu dan berjaya disiapkan sepenuhnya dalam tempoh 12 tahun. Projek di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI); Mas Butik, Langkawi; Proton City; Hospital Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kampus Universiti Malaysia Pahang adalah antara beberapa lagi projek dalam negara yang menerima sentuhan sepenuhnya arkitek tempatan.

Menguatkan lagi profil syarikat itu dalam bidang arkitek landskap ialah beberapa projek mega luar negara termasuk Bandar Tajurah, Tripoli, Libya yang membabitkan rekaan landskap untuk kawasan seluas 864 hektar yang menempatkan 12,000 unit rumah.

Arkitek In-Site Design juga berperanan mereka cipta sistem untuk sistem kitaran air kumbahan untuk digunakan bagi tujuan membekalkan air kepada taman landskap yang dibina lantaran kawasan itu menghadapi masalah pengairan.



CONTOH lakaran konsep berajah yang perlu dikemukakan arkitek landskap.

Satu lagi kawasan di Libya iaitu bandar Benghazi turut dilakar konsep landskapnya oleh syarikat itu membabitkan kawasan seluas 1,200 hektar yang merangkumi projek bandar bersepadu. Landskap di Parand, satu daerah di luar Tehran, Iran dikenali sebagai Hashgert juga diilhamkan oleh arkitek syarikat berkenaan membabitkan kawasan seluas 800 hektar.

Negara lain yang memberi kepercayaan kepada syarikat itu ialah Mongolia dan Dubai dengan turut membabitkan projek berstatus mega.

Menceritakan proses kejayaan syarikat itu, pemiliknya Fauzi Abu Bakar, berkata semuanya bermula apabila mereka menyertai pameran yang dianjurkan Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), sekali gus menemukan mereka dengan pelbagai syarikat atau agensi dari luar negara yang akhirnya berminat untuk menjalin kerjasama dan meneruskan perbincangan secara serius dengan syarikat itu.

“Bermula dari pameran itu, ada banyak syarikat pemaju luar negara akan menghubungi kami sekiranya ada tawaran memajukan sesuatu kawasan dan dengan bantuan mereka, kami akan mengemukakan tender.

“Proses itu biasanya akan mengambil masa yang lama tetapi berbaloi kerana kebanyakan projek luar negara memberi pulangan yang lumayan dan bayarannya lebih mudah dan cepat berbanding pemaju dalam negara.

“Lebih mudah lagi ialah kerana pemaju atau pemilik sesuatu projek pembangunan sudah mempunyai idea atau konsepnya sendiri dan kami hanya merealisasikan menerusi lakaran untuk dimajukan,” katanya.

3 Januari 2009 (Sabtu)

Perjanjian Konsesi Lebuhraya boleh disemak

KUALA LUMPUR: Mulai semalam, orang awam boleh menyemak Perjanjian Konsesi Lebuhraya yang dikelaskan semula selaras Akta Rahsia Rasmi 1972 di Perpustakaan Kementerian Kerjaraya di sini. Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Mohamad Razali Othman, berkata pemohon yang ingin menyemak perjanjian itu perlu datang sendiri ke perpustakaan berkenaan dan mengisi borang yang disediakan.

“Masa yang diperuntukkan untuk setiap semakan adalah tidak melebihi dua jam untuk memberi peluang kepada pemohon lain menyemak Perjanjian Konsesi, selain mengurangkan masa menunggu.

“Jika mahu menyemak Perjanjian Konsesi lain dan memerlukan masa tambahan, pemohon perlu mengisi permohonan baru dan mengikut giliran kerana ia dilaksanakan mengikut prinsip ‘siapa dulu akan didahulukan’,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Waktu semakan di Bilik Bacaan Perpustakaan di tingkat 6, Blok B Kompleks Kerja Raya itu adalah dari Isnin hingga Jumaat antara jam 9 pagi hingga 5 petang, kecuali waktu rehat antara 1 petang hingga 2 petang (Isnin-Khamis) dan 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang pada setiap Jumaat.

4 Januari 2009 (Ahad)

Bank Negara diarah siasat

Oleh Abdul Razak Raaff dan Rohaniza Idris bminggu@bharian.com.my



Datuk Seri Najib Razak

Dakwaan bank bocorkan maklumat

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak meminta Bank Negara menyiasat dakwaan ada bank tempatan bersubahat dengan sindiket membocorkan maklumat peribadi pelanggan mereka sehingga

berlaku kes kehilangan wang dalam akaun. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, Bank Negara boleh menyiasat perkara berkenaan tetapi mereka yang menjadi mangsa perlu membuat aduan bagi memudahkan siasatan dilakukan.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap Biro Pengaduan Awam (BPA), Senator T Murugiah kelmarin mengenai lebih 60 kes membabitkan kehilangan wang diterima pihak bank setiap bulan sejak 2006. Bagaimanapun beliau meminta jangan membuat spekulasi mengenai kemungkinan kakitangan bank terbabit dengan sesuatu sindiket atau berlaku pencerobohan dalam sistem perbankan internet.

Najib berkata demikian pada sidang media di majlis penyampaian anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2008 dan Seminar Keibubapaan kawasan Parlimen Pekan, di sini, semalam. Sementara itu, Kesatuan Pekerja Bank Kebangsaan (Nube) percaya pendedahan maklumat atau pencerobohan maklumat pelanggan bank kemungkinan dilakukan syarikat luar yang dilantik bank.

Setiausaha Agung Nube, J Solomon berkata, dakwaan orang dalam atau kakitangan bank terbabit dalam penyelewengan itu tidak tepat kerana jika ada penyalahgunaan atau pencerobohan maklumat membabitkan orang dalam, ia mudah dikesan dan tindakan segera boleh diambil. Beliau berkata, kebiasaannya bank meminta syarikat luar menguruskan maklumat berkaitan pelanggan, memproses pinjaman, mengurus perkhidmatan mesin juruwang automatik (ATM) dan syarikat pengurusan keselamatan yang diamalkan oleh bank tempatan sejak 10 tahun lalu.

"Saya bukan menafikan pembabitan kakitangan atau orang dalam bank tetapi syarikat pembekal maklumat dan sumber luar yang dilantik bank mempunyai kemungkinan besar terbabit menjual maklumat pelanggan," katanya ketika dihubungi Berita Minggu, semalam.

Solomon berkata, jika benar ada kakitangan bank terbabit beliau mengesyorkan nama individu dan bank tempatan yang dikenal pasti itu didedahkan dan dikenakan tindakan sewajarnya. Katanya, pendedahan Murugiah perlu disusuli tindakan bagi menghentikan terus kegiatan yang mencemarkan nama pekerja dan bank di negara ini. Sementara itu, Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) dilaporkan mengeluarkan kenyataan berhubung perkara itu minggu depan.

Pengarah Eksekutifnya, Chuah Mei Lin, dilaporkan berkata ABM sedang melakukan siasatan berhubung kehilangan wang oleh 'pencuri siber' di Indonesia.

4 Januari 2009 (Ahad)

Pendidikan - RM310j disalur kepada pesawah

KUALA TERENGGANU: Kerajaan menyalurkan pelbagai bantuan termasuk subsidi untuk membeli jentera pembajak sawah dan menuai padi bernilai RM310 juta kepada pesawah menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sejak tahun lalu, dalam usaha mencapai sasaran meningkatkan pengeluaran beras untuk keperluan domestik kepada 86 peratus berbanding 75 peratus sekarang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, berkata selain beras, kerajaan juga berazam meningkatkan pengeluaran produk pertanian lain seperti hasil ternakan ikan, lembu dan kambing, tanaman pelbagai sayuran dan buah-buahan untuk mengurangkan kadar import.

Justeru, beliau berkata, kerajaan memerlukan kerjasama dan usaha keras lebih 700,000 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara untuk menggembelng tenaga meningkatkan produktiviti, sekali gus pengeluaran produk pertanian bagi memenuhi keperluan dalam negara.

"Azam kita pada tahun baru (2009) ini mahu tingkatan pengeluaran semua produk pertanian. Jika beras kita mahu tingkatan sehingga 86 peratus, pengeluaran produk ternakan pula kita sasarkan sehingga 34 peratus dan kambing kepada 10 peratus untuk menampung permintaan dalam negara.

"Oleh itu, kita harap lebih 700,000 ahli PPK di seluruh negara, termasuk 2,936 di Kuala Terengganu dapat bersama-sama kerajaan merealisasikan matlamat ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PPK Kuala Terengganu, di sini, semalam.

Hadir sama calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Kuala Terengganu, Senator Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Rozi Mamat; Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Rahim Ahmad dan Pengurus Besar PPK Kuala Terengganu, Khalid Mohammed.

Mustapa berkata, sasaran meningkatkan pengeluaran beras mampu dicapai melalui pembukaan beberapa kawasan tanaman padi yang baru termasuk di Sabah, Sarawak dan Pahang, selain beberapa projek penambahbaikan infrastruktur pertanian seperti kawasan pengairan yang lebih baik.

Kerajaan Malaysia ketika krisis bekalan beras dalam negara pada Mei lalu terpaksa membeli 200 juta tan beras dari Thailand untuk menampung masalah kekurangan beras membabitkan kos sebanyak AS\$940 satu tan.

6 Januari 2009 (Selasa)

Bicara Canseleri: Memasyarakatkan IPTA

Ikuti pandangan Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, mengenai peranan yang perlu dimainkan universiti dalam pembangunan masyarakat setempat seperti yang disampaikan kepada wartawan pendidikan Berita Harian, Rosniza Mohd Taha.

KERAJAAN menetapkan pengwujudan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di lokasi tertentu setiap negeri dengan harapan ia akan turut memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat setempat, selain menjalankan fungsi utama sebagai gedung ilmu.

Justeru, seharusnya tidak wujud jurang komunikasi antara universiti dengan masyarakat sekelilingnya, malah khidmat masyarakat boleh dijadikan salah satu indeks prestasi utama (KPI) yang perlu dicapai IPTA. Bagi melaksanakan agenda nasional ini, universiti perlu bertindak lebih proaktif dengan 'turun padang' bertanya apakah keperluan masyarakat dan seterusnya menawarkan bantuan serta penyelesaian sewajarnya.

Strategi 3P, iaitu perkhidmatan, pendidikan dan penyelidikan boleh dijadikan asas kepada pelaksanaan usaha memasyarakatkan universiti ini supaya kegiatan yang dijalankan tidak terhad kepada aktiviti kebajikan atau gotong-royong saja, malah memberi impak lebih besar termasuk berupaya membangunkan tahap ekonomi kawasan berkenaan.

Dalam menawarkan perkhidmatan, kemudahan dan infrastruktur, universiti boleh dimanfaatkan untuk pelbagai tujuan termasuk pengangkutan serta dewan boleh digunakan untuk aktiviti kemasyarakatan dan pusat pemindahan sementara penduduk jika berlaku bencana alam. Perkhidmatan pasukan beruniform universiti juga boleh ditawarkan bagi menjayakan majlis atau bantuan terutama apabila berlaku musibah di kawasan berhampiran seperti tanah runtuh dan banjir. Sebagai contoh, Pusat Kesihatan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang mempunyai lima mesin dialisis membenarkan penduduk sekitar Batu Pahat menggunakan kemudahan itu.

Seramai 10 penduduk setempat menggunakan kemudahan itu setiap hari dan mereka amat mengalu-alukan kerana pusat dialisis kerajaan terletak agak jauh dari Batu Pahat dan kapasiti penggunaannya juga agak terbatas. Dari segi pendidikan, usaha menyuntik semangat pelajar sekolah menengah untuk melanjutkan pengajian ke menara gading boleh dilakukan dengan memberi peluang mereka bermalam di universiti ketika cuti semester untuk merasai suasana kampus. Dalam hal ini, pelajar universiti boleh memainkan peranan sebagai fasilitator kepada pelajar yang mengikuti program suai kenal menara gading itu dengan membimbing mereka menggunakan kemudahan universiti seperti makmal dan perpustakaan, selain aktiviti riadah.

Dengan ini, mereka mendapat pendedahan awal bahawa universiti adalah tempat pengajian kondusif dan istimewa, sekali gus meningkatkan semangat mereka untuk turut melanjutkan

pengajian ke peringkat tinggi. Isu penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah ketika ini juga boleh ditangani bersama warga universiti dengan menganjurkan program menarik menguasai bahasa antarabangsa itu.

Keputusan UPSR tahun ini menunjukkan 25 peratus murid di daerah Batu Pahat gagal subjek Bahasa Inggeris dan bagi mengelakkan ia berterusan, UTHM baru-baru ini, menganjurkan program Youth to Youth. Menerusi program itu, pelajar cemerlang Kolej Yayasan Saad, Melaka dibawa ke UTHM untuk membantu rakan sebaya mereka di sekitar Batu Pahat meningkatkan penguasaan bahasa berkenaan menerusi pelbagai aktiviti interaktif menarik.

Program pembelajaran sepanjang hayat juga boleh dianjurkan IPTA walaupun di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, kolej komuniti dipertanggungjawabkan melaksanakannya. Ini kerana tidak semua daerah mempunyai kolej komuniti berhampiran kawasan kediaman mereka dan IPTA perlu memainkan peranan memenuhi keperluan masyarakat menimba ilmu dan kemahiran tambahan tanpa mengira usia.

UTHM melaksanakan usaha ini menerusi program INSEP menggunakan dana Kementerian Sumber Manusia bagi membolehkan graduan memiliki kemahiran tambahan dan kami bercadang memperluaskannya kepada yang kehilangan pekerjaan akibat keadaan ekonomi yang tidak sihat ketika ini supaya sekurang-kurangnya mereka berpeluang menambah kemahiran bagi mencerahkan peluang mendapat pekerjaan baru. Dalam menjayakan khidmat masyarakat berasaskan penyelidikan, universiti perlu menyesuaikan dengan keperluan masyarakat setempat supaya hasilnya dapat dimanfaatkan terutama bagi meningkatkan tahap sosioekonomi mereka.

Sebagai contoh, UTHM baru-baru ini, berjaya mengitar semula minyak masak buangan yang dihasilkan daripada industri makanan ringan diusahakan masyarakat Batu Pahat dengan memprosesnya semula menjadi bahan bakar bagi industri sama.

Usaha seumpama ini bukan saja menyumbang kepada kelestarian alam sekitar, malah secara tidak langsung dapat memangkin kerja penyelidikan di universiti kerana apabila cuba menyelesaikan sesuatu isu, banyak kajian dan penyelidikan bersama perlu dilaksanakan warga IPTA bagi

6 Januari 2009 (Selasa)

Sabah & Sarawak: TAB belum terima sumbangan RM5j

Oleh Misiah Taib misiah@bharian.com.my

KUCHING: Selepas hampir 13 tahun menunggu, Tabung Amanah Bakun (TAB) masih belum menerima sumbangan RM5 juta yang dijanjikan pihak swasta dan usahawan yang terbabit dalam projek pembinaan Empangan Hidro Elektrik Bakun di Bahagian Kapit. Janji sumbangan berkenaan dibuat oleh pihak berkenaan ketika pelancaran TAB oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Sibu pada 1996.

Pengerusi TAB yang juga Menteri Kemajuan Tanah, Datuk Seri Dr James Jemut Masing, berkata setiap tahun pihaknya memberikan surat kepada pihak terbabit bagi meminta pihak berkenaan menunaikan ikrar dan janji mereka, dengan tahun ini juga tidak terkecuali.

"Kita amat memerlukan sumbangan itu untuk membantu dari segi pendidikan terutama biasiswa kepada anak-anak yang terbabit dalam pemindahan di kawasan Bakun. "Saya akan menulis surat sekali lagi kepada pihak terbabit dalam masa terdekat ini untuk meminta mereka menunaikan ikrar berkenaan," katanya kepada Berita Harian.

Tiga pihak berjanji untuk menderma kepada TAB ketika pelancarannya iaitu kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat serta pihak swasta berkenaan. Kedua-dua kerajaan negeri dan Pusat sudah lama menunaikan janji masing-masing, cuma pihak swasta belum berbuat demikian.

Masing bagaimanapun enggan menamakan pihak swasta terbabit dan berkata, ketiga-tiga pihak berkenaan masing-masing berjanji menyumbang RM5 juta kepada TAB, setelah penduduk Bakun dipindahkan kerajaan ke Sungai Asap, Belaga, untuk pembinaan Empangan Hidro Elektrik Bakun. Ketika ini, TAB mempunyai dana RM10 juta saja daripada RM15 juta yang dijanjikan untuk tabung itu.

TAB sudah menggunakan sebahagian daripada dana berkenaan untuk menaja 1,586 pelajar dari Belaga sejak lebih 10 tahun lalu, bagi mendapatkan pendidikan termasuk bagi melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

"Kita harap pihak swasta terbabit tidak menganggap ikrar berkenaan sebagai sudah lapuk dan tidak lagi perlu ditunaikan kerana ia adalah janji yang dibuat di hadapan pucuk kepimpinan negara ketika itu. "Lagipun dua lagi pihak iaitu kerajaan negeri dan Pusat sudah lama menunaikan ikrar berkenaan dan seharusnya pihak swasta juga memikul tanggungjawab sama," katanya.